

Headline	Ubat mahal ragut banyak nyawa penduduk negara miskin		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 May 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	25	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	286 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,997
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,991



# Ubat mahal ragut banyak nyawa penduduk negara miskin

Joseph E Stiglitz

**S**ETIAP tahun, jutaan manusia meninggal akibat penyakit yang sepatutnya boleh dirawat dan dicegah, terutama di negara miskin. Dalam kebanyakan kes, ubat yang boleh menyelamatkan nyawa ialah ubat murah yang dikeluarkan secara besar-besaran, tetapi dijual pada harga tidak mampu dibeli se-setengah orang.

Ramai maut hanya kerana tidak ada penawar dan disebabkan kekurangan penyelidikan serta sumber untuk membuat kajian menangani penyakit di negara miskin amat terhad.

Apa yang berlaku membuktikan kegagalan ekonomi dan perundangan serta amat penting untuk diperbetulkan secepat mungkin.

Berita baik ialah hari ini wujud peluang perubahan apabila Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mahu menangani isu kesukaran dalam soal perlindungan harta intelek yang menjadi penghalang utama kepada pembangunan dan kehadiran ubat-ubatan murah di negara Dunia Ketiga.

Dua masalah utama punca kesukaran mendapatkan sumber perubatan hari ini. Satu, ia terlalu mahal atau lebih tepat, harga yang dikenakan terlalu tinggi walaupun kos menghasilkannya agak murah.

Kedua, pembangunan ubat dibuat ke arah untuk memaksimumkan keuntungan, bukan untuk faedah sosial, sekali gus memesongkan tujuan asal penciptaan ubat ialah untuk kepentingan manusia.

Golongan miskin mempunyai kewangan terhad untuk membeli ubat, manakala syarikat perubatan memperuntukkan insentif terlalu kecil untuk melakukan penyelidikan membabitkan penyakit yang selalu dihadapi kumpulan ini.

Sepatutnya soal ini tidak berlaku. Syarikat pengeluar ubat bertegas peruntukan tinggi perlu untuk tu-

juan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tetapi di Amerika Syarikat sebenarnya, kerajaan menyediakan peruntukan kepada kebanyakan penyelidikan dan pembangunan perubatan – secara langsung melalui sokongan umum (Yayasan Institut Kesihatan dan Sains Nasional), dan tiada langsung melalui pembelian ubat, sama ada bagi program Medicare atau Medicaid.

Rakyat Amerika bernasib baik kerana penyelidikan kesihatan dibiayai kerajaan.

Bagi pemimpin negara itu, ubat yang baik penting untuk rakyat kerana mampu menghalang penyakit berjangkit, mengukuhkan ekonomi dan mengurangkan jumlah kehilangan nyawa disebabkan penyakit.

Kecekapan dalam menyebarkan pengetahuan memerlukan perkongsian penyelidikan seluas dan secepat mungkin. Thomas Jefferson membandingkan pengetahuan dengan lilin: "Apabila satu lilin digunakan untuk menyalakan lilin lain, ia masih tidak memadamkan cahaya, sebaliknya dunia akan menjadi lebih terang."

Di Amerika dan kebanyakan negara, harga ubat terlalu mahal dan penyebaran pengetahuan mengenai nainya masih dikawal ketat kerana kita mencipta sistem paten yang memberi penciptanya hak monopoli ke atas ciptaan mereka, sekali gus menghalang mereka mengekang pengaliran keluar pengetahuan bagi mengelak persaingan.

Tatkala sistem ini memberi insentif kepada penyelidikan dengan menjadikan inovasi satu perniagaan menguntungkan, ia juga membenarkan syarikat ubat menaikkan harga serta memberi insentif yang tidak semestinya bermakna atau memberi faedah kepada rakyat.

Dalam sektor penjagaan kesihatan, tindakan menumpukan perha-

tian kepada penyelidikan mungkin lebih menguntungkan daripada pembangunan rawatan. Sistem paten mungkin ada kesan bertentangan ke atas inovasi kerana ia menggalakkan tindakan 'berahsia.' Penyelesaian kepada harga tinggi dan penyelidikan yang mempunyai kepentingan perlu diubah serta diganti dengan dana kerajaan.

Setiap kerajaan perlu mencipta hadiah untuk mereka yang mencipta ubat baru – pencipta patut diberi dana untuk pengetahuan baru, tetapi mereka tidak boleh mengekalkan monopoli atas penggunaan ubat berkenaan.

Hanya melalui cara ini, pasaran boleh memastikan sebaik saja produk baru dihasilkan, penduduk dunia boleh membelinya di pasaran dengan harga serendah mungkin, bukan pada harga terlalu tinggi akibat sistem monopoli.

Amerika bernasib baik kerana ramai penggubal dasarnya mempunyai minat kukuh dengan pendekatan baru ini. Akta Dana Geran untuk HIV/Aids yang diperkenalkan Senator Bernie Sanders bukti terbaik inisiatif ini.

Bagaimanapun, sistem ini masih perlu pengubahsuaian pada peringkat global. Usaha WHO untuk menggalakkan perubahan secara meluas pada peringkat antarabangsa amat penting.

Hakikatnya, sistem ini tidak boleh dilihat hanya dari sudut ekonomi kerana dalam kebanyakan kes ia lebih ke arah soal hidup mati manusia itu sendiri. Oleh itu, amat penting untuk mengkaji semula kaitan antara R&D dan harga ubat. Paling penting ialah cara untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan saintifik.

**Penulis ialah seorang pakar ekonomi, pengarang dan pemenang Anugerah Nobel (Ekonomi) pada 2001**